

75

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 13 MAC 2018

RUJUKAN : 10569

SOALAN:

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :

(a)Apakah bilangan orang dan kanak-kanak yang dilaporkan hilang di Malaysia tetapi sehingga masa sekarang belum ditemui, dan semasa kanak-kanak atau orang dilaporkan hilang; dan

(b)Apakah pencapaian kejayaan melalui kerjasama dengan Interpol antarabangsa serta negara jiran bagi mengurangkan kekerapan insiden kehilangan kanak-kanak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) PDRM memandang serius kes-kes lari dari rumah melibatkan kanak-kanak dan remaja kerana boleh mengundang kes pemerdagangan orang atau kes sosial yang lain.

Berikut adalah statistik kanak-kanak hilang di bawah umur 18 tahun mengikut negeri bagi tahun 2013 hingga 2017:

KONTINJEN	2013			2014			2015			2016			2017			JUMLAH KESELURUHAN		
	JUMLAH KES	JUMPA SEMULA	MASIH HILANG	JUMLAH KES	JUMPA SEMULA	MASIH HILANG	JUMLAH KES	JUMPA SEMULA	MASIH HILANG	JUMLAH KES	JUMPA SEMULA	MASIH HILANG	JUMLAH KES	JUMPA SEMULA	MASIH HILANG	JUMLAH KES	JUMPA SEMULA	MASIH HILANG
PERLIS	38	38	0	32	32	0	42	35	7	25	25	0	30	20	10	167	150	17
KEDAH	196	196	0	218	213	5	234	224	10	208	195	13	157	99	58	1013	927	86
PULAU PINANG	80	76	4	96	94	2	97	84	13	88	64	24	56	25	31	417	343	74
PERAK	113	112	1	96	94	2	83	70	13	85	65	20	84	38	46	461	379	82
SELANGOR	205	198	7	241	236	5	285	256	29	223	176	47	201	106	95	1155	972	183
KUALA LUMPUR	149	144	5	190	173	17	175	143	32	197	165	32	160	90	70	871	715	156
NEGERI SEMBILAN	199	197	2	154	150	4	112	108	4	112	106	6	128	77	51	705	638	67
MELAKA	70	69	1	32	32	0	38	27	11	71	58	13	38	14	24	249	200	49
JOHOR	413	409	4	387	381	6	264	219	45	219	178	41	173	80	93	1456	1267	189
PAHANG	151	149	2	115	113	2	79	77	2	83	72	11	67	39	28	495	450	45
TERENGGANU	64	64	0	69	69	0	47	40	7	39	36	3	40	23	17	259	232	27
KELANTAN	120	120	0	109	109	0	94	83	11	82	71	11	65	40	25	470	423	47
SABAH	174	172	2	161	150	11	154	126	28	227	212	15	156	85	71	872	745	127
SARAWAK	82	82	0	115	113	2	78	71	7	144	134	10	150	101	49	569	501	68
J U M L A H	2054	2026	28	2015	1959	56	1782	1563	219	1803	1557	246	1505	837	668	9159	7942	1217

- 77
- (b) **PDRM sentiasa menjalin hubungan dengan polis negara luar di peringkat serantau dan peringkat antarabangsa melalui INTERPOL untuk mengumpul risikan berkaitan aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Pada awal tahun 2018, seorang kanak-kanak warganegara Argentina yang dilaporkan hilang telah dijumpai di Jakarta, Indonesia melalui perkongsian maklumat antara INTERPOL Malaysia dan Indonesia.**